



12 Oktober 2024



Lelaki Orang Asli mati dalam tahanan polis: JAKOA sedia jadi orang tengah

Kuantan: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Pahang sedia menjadi orang tengah sekiranya diperlukan dalam kes lelaki Orang Asli berusia 25 tahun yang meninggal dunia ketika dalam tahanan polis pada 4 Mei lalu.

Mangsa, Norazman Me ditemukan mati tergantung ketika dalam tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan. Pengarah Jakoa Pahang, Johari Alwi berkata, pihaknya memutuskan untuk menjadi pemudahcara antara keluarga mangsa dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya diperlukan.

Katanya, pertemuan dengan keluarga mangsa diadakan kelmarin dalam usaha menjernihkan keadaan supaya tidak terus berlarutan.

Menurutnya, jabatan tidak bercadang campur tangan sebaliknya hanya ingin melihat kes itu dapat diselesaikan dengan cara baik dan tidak menimbulkan pelbagai masalah.

"Menjadi tanggungjawab Jakoa membantu masyarakat Orang Asli dalam apa juga perkara, khidmat nasihat diberikan dalam memastikan setiap kekusutan dapat dilerai dengan sebaik mungkin.

"Kita bertanggungjawab menjaga kebajikan masyarakat Orang Asli dan pertemuan dengan keluarga mangsa lebih kepada memberi sokongan moral dan melihat situasi semasa kehidupan selepas kematian anak mereka.

"Selain itu kita juga ingin mengetahui perkembangan semasa kes serta menghulurkan sumbangan bakul makanan kepada keluarga terbabit," katanya, dihubungi semalam.

Beliau berkata, kunjungan pihak Jakoa kelmarin diketuai Timbalan Pengarah Jakoa Pahang, Ahmad Mazuki Salleh yang bertemu dengan bapa mangsa, Me King King dan ibunya, Noriah Hitam serta adik mangsa, Rodiah yang menetap di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Runchang, Pekan.

"Saya difahamkan ahli keluarga mangsa amat berharap pihak PDRM dapat menjelaskan apa yang berlaku di dalam lokap serta punca kematian Norazman, tidak hanya menyatakan punca kematian sebagai mati mengejut," katanya.

Sebelum ini, Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Yahaya Othman berkata, pihaknya sedia memberi penjelasan lanjut kepada keluarga lelaki Orang Asli yang meninggal dunia ketika dalam tahanan itu.

Katanya, berdasarkan laporan bedah siasat yang dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, mendapati kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut.

"Tiada unsur jenayah dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut. Bagaimanapun, polis belum menutup siasatan yang kini dikendalikan Unit Siasatan Jenayah Terkelas Bukit Aman," katanya.